



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr. HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN PENYALAAN LAMPU DI LALUAN TREK
JOGGING SUNGAI PERTAMA, SEBERANG JAYA**

OLEH

YANG AMAT BERHORMAT TUAN LIM GUAN ENG

KETUA MENTERI PULAU PINANG

18 OKTOBER 2017 (RABU)

6.50 PETANG

**BERTEMPAT DI TREK JOGGING SUNGAI PERTAMA, SEBERANG
JAYA**

[BERDEKATAN SAFIRA COUNTRY CLUB, SEBERANG JAYA]

Disediakan oleh Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng

Ketua Menteri Pulau Pinang

Yang Berhormat

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Yang Berhormat

Ahli Dewan Undangan Negeri

Yang Berhormat

Ahli Parlimen Pulau Pinang

Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Ir Hjh Rosnani bt Hj Mahmud

Setiausaha Perbandaran

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Ketua –Ketua Jabatan dan Pegawai

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Kakitangan-Kakitangan

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Rakan - Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat petang dan salam sejahtera,

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada YAB

Ketua Menteri, Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan kerana dapat meluangkan masa dan hadir ke Majlis Perasmian Penyalaan Lampu Di Laluan Trek Jogging Sungai Pertama, Seberang Jaya pada petang ini.

Pada hari ini kebetulan adalah sambutan Hari Deepavali dan saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Menyambut Hari Deepavali kepada para hadirin yang beragama Hindu.

YAB Tuan, Yang Berhormat, Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Penduduk Seberang Perai terutama di Seberang Jaya ini yang berjumlah anggaran 50,000 penduduk patut berasa bangga dan beruntung kerana mempunyai sebuah taman awam linear yang sentiasa dijaga dan

dinaik taraf oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

Taman Awam Linear ini yang bermula dari Taman Tunku sehingga ke Sungai Perai terletak diantara Sungai Durhaka dan barow pit. Taman ini mempunyai keunikannya kerana digunakan 24 jam serta dapat menarik 500 orang sehari pada hari biasa sehingga 1000 orang sehari pada hujung minggu untuk beriadah, jogging atau memancing pada waktu malam.

Sungai ibarat nadi kehidupan bak kata mutiara merawat sungai seperti merawat kehidupan kita. Oleh itu bagi tujuan tersebut, MPSP menggunakan pendekatan kreatif untuk *unlocking the power of partnership* melalui pendekatan 7Ps (People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet, Partnership). Dengan pendekatan *private and philanthropy partnership* MPSP telah berjaya

bekerjasama dengan Syarikat South Island Garment, Syarikat Armstrong Technology Sdn. Bhd., Sekolah Menengah Kebangsaan Berapit dan Sekolah Menengah Kebangsaan Tinggi, Bukit Mertajam untuk melontar sebanyak 24,800 bebola tanah kedalam Sungai Durhaka. Usaha ini telah berjaya meningkatkan tahap kualiti air kepada tahap yang lebih baik iaitu pada kelas II A di mana iaanya boleh menjadi sumber bekalan air minuman selepas rawatan biasa dilakukan dan membolehkan hidupan akuatik.

Cadangan untuk membuat pemasangan lampu awam di laluan trek Jogging bersebelahan dengan Sungai Pertama ini merupakan cadangan YAB Tuan Lim Guan Eng yang mahu menyediakan pencahayaan yang secukupnya di kawasan ini bagi aktiviti riadah pada waktu awal pagi dan lewat petang. Inilah yang dikatakan inklusif, *Seberang Perai is for all.*

Di dalam projek pencahayaan ini, MPSP telah membuat pemasangan sebanyak dua puluh (20) batang tiang dan sebelas (11) unit lampu awam jenis konkrit TNB (150watt) di laluan trek jogging iaitu sepanjang 626 meter. Projek ini menelan belanja sebanyak RM 60,500.00. Tarikh mula kerja projek ini adalah pada 27 September 2017 yang lalu dan telah siap dilaksanakan pada 13 Oktober 2017. Dengan adanya pemasangan lampu awam di jogging trek ini, akan menarik minat lebih ramai pengunjung untuk beriadah memandangkan keadaan persekitaran yang lebih selamat dan dapat merealisasikan agenda Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke arah “*Cleaner, Greener, Safer, Healthier*” Seberang Perai.

YAB Tuan, Yang Berhormat, Tuan-tuan dan puani-puan sekalian,

Saya menyeru semua penduduk Seberang Perai supaya bersama-sama dengan MPSP dalam menjaga keindahan dan kemakmuran Seberang Perai supaya menjadi sebuah bandar yang resilient, inklusif, hijau dan kompetitif.

Oleh sebab itu, pada 1 Jun 2016 yang lalu, Dasar Pengasingan Sisa Di Punca telah dilaksanakan di Negeri Pulau Pinang. Dasar ini bertujuan untuk mengurangkan perbelanjaan pembersihan serta memanjangkan hayat tapak pelupusan sampah di Pulau Burung. Sekiranya perbelanjaan keseluruhan ini dapat dikurangkan sebanyak 50%, maka MPSP akan memperolehi lebihan peruntukan sebanyak RM50 juta yang mana ianya boleh digunakan bagi pembangunan, infrastuktur dan kemudahan awam serta pengindahan

dan kehijauan seperti mana yang kita lakukan pada hari ini.

Jika tuan-tuan dan puan-puan mahu usaha seperti ini dilakukan secara berterusan, maka marilah sama-sama kita berusaha untuk tingkatkan lagi kadar kitar semula daripada 42.6% kepada 70% supaya sasaran kita ke arah bandar rendah karbon 2022 dapat dicapai. Angka ini merupakan satu sasaran yang tinggi dan hanya boleh dicapai sekiranya MPSP dan penduduk Seberang Perai bersama-sama berganding bahu untuk mencapainya.

YAB Tuan, Yang Berhormat, Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Di kesempatan ini, saya ingin menjemput dan menyeru kepada badan-badan korporat, yang berminat

untuk menjalankan kerjasama dengan MPSP untuk kebaikan penduduk Seberang Perai melalui CSR, kami amat mengalu-alukan usaha itu. Jikalau kita lihat di Seberang Perai ini, kita tidak mempunyai pantai yang indah seperti di sebelah pulau untuk berkelah. Walau bagaimanapun, kita masih mempunyai sungai-sungai yang indah dan menarik yang mempunyai panorama yang tersendiri seperti Sungai Pertama ini. Berkemungkinan kita boleh mengembalikan nostalgia berkelah ini sekiranya ada wakaf-wakaf baru yang boleh dibuat atau digunakan oleh pengunjung untuk menikmati suasana taman.

Saya berharap agar suatu hari nanti taman-taman awam di Seberang Perai ini tidak hanya menjadi tumpuan pengunjung di sebelah pagi dan petang bahkan juga di sebelah malam dengan dekorasi-dekorasi menarik daripada sumber-sumber terpakai seperti konsep

Recycle, Recover atau *Upcycle* dan pencahayaan lampu yang pelbagai bagi tujuan *selfie* dan *wefie*.

Saya juga ingin menyeru kepada seluruh penduduk di Seberang Jaya ini atau pengunjung-pengunjung yang hadir supaya bersama-sama menjaga trek jogging, lampu-lampu awam yang telah dipasang serta semua kemudahan-kemudahan yang telah disediakan untuk kebaikan semua. Pelihara diri kita daripada membuat vandalisme atau kerosakan. Yang paling penting jangan membuang sampah di merata-rata tempat.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada YAB Ketua Menteri atas sokongan padu daripada pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan semua yang hadir dalam menjayakan program ini.

Dengan ini, saya sudahi dengan *Wabillahi Taufik*
Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Mampan.

Sekian, terima kasih.